

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU (BARAM)

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan berkenaan :-

(a) balai / pondok polis di Pekan Beluru, Pekan Long Lama dan Bario; dan

(b) permohonan agar IPD dibina di Pekan Long Lama dan Pekan Beluru sebagai Pusat Pentadbiran Peringkat Daerah yang dinaik taraf 5 tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin mengenai prasarana setiap agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), termasuklah yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil perhatian mengenai tiga balai polis di Parlimen Baram iaitu Balai Polis Beluru, Balai Polis Long Lama dan Balai Polis Bario. Pada masa ini, ketiga-tiga balai polis terbabit terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Marudi.

Untuk makluman Yang Berhormat perancangan bagi pembangunan sesebuah projek di bawah Kementerian Dalam Negeri, termasuk baik pulih balai dan pondok polis adalah ditentukan berdasarkan prioriti dan kriteria-kriteria keutamaan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan. Dalam hal ini, keperluan pembangunan atau naik taraf balai polis ini akan dikaji mengikut keutamaan bagi dipertimbangkan di dalam *Rolling Plan* (RP) 3, Rancangan Malaysia (RMK) Ke-12 Tahun 2023.

Manakala perkara berkaitan permohonan untuk membina IPD di Beluru dan Long Lama akan diteliti dengan sewajarnya oleh pihak PDRM dan KDN kerana ia melibatkan pengwujudan perjawatan baharu, pembinaan prasarana baharu dan keperluan kewangan untuk menampung operasi IPD berkenaan. Selain itu, pertimbangan daripada agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah diperlukan dalam meneliti cadangan tersebut.